

31/12/2001

Suka duka sepanjang 2001

Fadzlena Jafar

Demi masa. Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian, melainkan orang yang beriman dan beramal soleh dan orang-orang yang berpesan dengan kebenaran dan kesabaran. - (Surah Al 'Asr Ayat 1-3).

SESUNGGUHNYA masa tidak akan menunggu kita. Bagi mereka yang beringat, setiap detik masa pasti akan digunakan sebaik mungkin dengan melakukan pelbagai kerja yang berfaedah.

Jika anda termasuk dalam golongan berkenaan pastinya tanggal 31 Disember setiap tahun tidak mencemaskan perasaan. Tahun silih berganti, umur kita semakin meningkat. Jadi, sebelum meninggalkan 2001 ini, apa kata jika kita renungkan kembali apa yang sudah dilakukan sepanjang tahun ini.

Sememangnya 2001 mencatat pelbagai sejarah suka dan duka terutama bagi wanita. Begitu pun, tragedi paling mengejutkan ialah serangan berani mati ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) yang menjadi mercu tanda bandaraya New York pada 11 September lalu.

Mungkin tragedi berkenaan tidak membawa erti kepada kebanyakan kita kerana tidak membabitkan Malaysia secara khusus. Namun, secara halus kejadian berkenaan memberi impak yang agak besar kepada negara terutama membabitkan ekonomi kerana suka atau tidak ekonomi dunia bergantung kepada turun naik pasaran saham New York.

Tragedi itu juga menyaksikan perang baru di Timur Tengah yang sememangnya tidak pernah sunyi dari pelbagai peperangan sejak seabad lalu. Selain isu Palestin dan Israel yang tiada penghujungnya dan sekatan ekonomi berpanjangan ke atas Iraq sejak Perang Teluk, tragedi berkenaan menjadi alasan terbaru bagi Amerika Syarikat (AS) menyerang Afghanistan dengan tujuan mendapatkan Osama bin Laden yang dikatakan menjadi dalang kepada kejadian berkenaan.

Akibatnya, ratusan ribu rakyat Afghanistan yang sudah menderita sejak beberapa dekad lalu bermula dari perang saudara diikuti campur tangan Russia dan Britain di negara itu, terpaksa menjadi pelarian.

Tidak kira apa yang berlaku, wanita dan kanak-kanak tetap menjadi mangsa apabila peperangan meletus. Ramai yang kehilangan suami, bapa dan juga saudara lelaki. Mereka terpaksa hidup dalam serba kekurangan dalam keadaan persekitaran yang tidak menentu.

Itu senario luar negara. Namun, di Malaysia apa kurangnya. Pelbagai tragedi dilaporkan membabitkan wanita dan kanak-kanak hampir setiap hari. Namun paling menggemparkan ialah kes rogol Nurul Hanis Kamil.

Gadis berusia 17 tahun itu ditemui mati dibunuh selepas dipercayai dirogol dan diliwat di kawasan belukar berhampiran jalan tidak jauh dari rumahnya pada 3 Julai lalu. Dipercayai kejadian berlaku ketika pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yaakub itu sedang dalam perjalanan balik dari sekolah.

Sebelum itu, pada 14 Februari, seorang lagi remaja berusia 17 tahun, Farah Deeba Rustam ditemui mati di dalam longkang dengan badannya lebam dan kesan tikaman benda tajam pada perut. Pelajar Sekolah Menengah Buyung Adil, Tapah itu dipercayai dirogol dan dibunuh sebelum dicampak ke dalam longkang.

Pada 5 Julai lalu, Siti Nadira Budda yang berusia lima tahun ditemui mati di kampung Sibugal Besar, Sandakan. Kanak-kanak malang itu dipercayai dirogol sebelum dibunuh ketika dalam perjalanan pulang dari kelas agama.

Selain kes rogol, terdapat beberapa tragedi lain yang tidak kurang mengejutkan masyarakat Malaysia.

Antaranya kes bunuh membabitkan pertalian ibu bapa dan anak.

Pada 9 Mei tahun ini, seorang kanak-kanak berusia empat tahun, Mohd Taufik Mohd Akhir mati dipercayai disembelih ibunya sendiri di kuarters guru Sekolah Kebangsaan Salang, Perlis. Adiknya, Mohd Firdaus yang berusia dua tahun pula cedera parah akibat kelaran di leher juga dipercayai dilakukan ibu mereka, Hamidah Tomik. Wanita berusia 37 tahun itu dikatakan mengalami gangguan mental ketika kejadian berlaku dan pernah menjalani rawatan di tiga hospital berlainan kerana masalah berkenaan.

Sementara itu, seorang bapa Ab Syukor Md Hanim dari Kampung Parit Archong, Tampok, Benut dituduh membunuh isteri dan anaknya yang berusia lima tahun di rumah mereka di Pontian pada 15 November lalu.

Kes itu mendapat liputan meluas apabila Ab Syukor yang juga seorang guru secara rela datang ke balai Polis Benut kira-kira jam 8.50 pagi dan mengakui membunuh isteri serta anaknya.

Selain kes bunuh dan rogol, 2001 juga mencatatkan beberapa kejadian membabitkan kebakaran yang menyebabkan kematian kanak-kanak. Antara yang menyayat hati ialah kematian tiga beradik Syarifah Nursyafiqah Syed Mokri, 11, Syarifah Nurul Shamira, 8 dan Syed Mohamad Nirrahman Al Idrus terkorban dipercayai terhidu asap selepas terperangkap di tingkat atas rumah mereka di Kelana Jaya.

Pada 14 Januari lalu, kebakaran di flet perumahan awam Seri Kelantan Sentul menyebabkan satu keluarga yang terdiri dari lima anak beranak rentung.

Seorang bayi berusia empat bulan, Mohd Hamzah Halim Suparman rentung apabila rumahnya di Klang, Selangor hangus dijilat api. Kejadian berlaku pada 18 Februari lalu.

Pada 15 Mac lalu, sepasang suami isteri dan dua anak mereka juga mati dalam kebakaran di rumah mereka di Kulim, Kedah yang dipercayai berpunca dari ubat nyamuk.

Pada 16 April lalu, dua beradik di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir tidak jauh dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan rentung selepas terperangkap dalam kebakaran di rumah nenek mereka.

Satu lagi tragedi yang tidak boleh dilupakan ialah kematian 13 peserta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) apabila bas yang membawa rombongan berkenaan dari Kota Bharu menuju ke pulau Langkawi terbalik ketika menuruni bukit di Kampung Batu 7, Jalang Pengkalan Hulu, Baling, Kedah.

Kejadian berkenaan turut menyebabkan sembilan yang lain parah manakala 28 lagi penumpang cedera ringan.

Bercakap mengenai kematian, mungkin laporan hukuman gantung ke atas Mona Fandey paling mendapat perhatian. Mona atau nama sebenarnya Maznah Ismail, bersama suami, Mohd Affandi Abdul Rahman dan pembantu mereka, Juraimi Husin menjalani hukuman itu pada waktu subuh 3 November lalu selepas rayuan terakhir mereka ditolak oleh Lembaga Pengampunan negeri Pahang, April lalu.

Nama Mona Fandey mungkin tidak akan dilupakan dalam catatan sejarah kerana beliau terbabit dalam kes pembunuhan paling kejam yang mana mangsa, Ahli Dewan Undangan (Adun) Batu Talam ketika itu, Datuk Mazlan Idris ditemui mati dalam keadaan mengerikan. Mayat beliau ditemui dalam keadaan dikerat 18, dua minggu selepas dilaporkan kali terakhir dilihat pada 8 Julai 1993.

Dunia politik Malaysia juga tidak kurang rancaknya.

Apa yang lebih menarik, 2001 menjadi kemuncak bagi wanita di negara ini apabila Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mengumumkan penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga yang diterajui Datuk Shahrizat Abdul Jalil pada 17 Januari lalu.

Penubuhan kementerian ini disambut baik pelbagai pihak yang menganggap sudah sampai masanya Malaysia mempunyai sebuah kementerian khusus untuk

wanita seperti kebanyakan negara lain.

Antara kegiatan paling menonjol kementerian itu sepanjang tahun ini ialah pelancaran Kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan atau Ombak pada 23 Julai lalu diikuti kempen Nur Sejahtera: Sihat dan Segak pada 18 Ogos 2001.

Pada 31 Mac lalu, Majlis Tertinggi (MT) Umno melantik Azalina Othman Said, 37, sebagai ketua penaja Puteri Umno sekali gus menamatkan teka-teki mengenai penyandang jawatan itu sejak penubuhan Puteri Umno diumumkan tahun lalu.

Pengumuman mengenai perlantikan itu dibuat Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat MT di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Penubuhan Puteri Umno dilihat sebagai landasan bagi wanita muda di negara ini untuk berkecimpung dan menyumbang tenaga bagi bersama menggembleng usaha membangunkan wanita di negara ini.

Sejak awal lagi, penubuhan Puteri Umno mendapat perhatian media bukan saja kerana kebanyakan ahli jawatankuasa yang dilantik muka baru dalam dunia politik, sebaliknya kehadiran artis jelita Erra Fazira sebagai Exconya menimbulkan persoalan kerana ramai yang menganggap kehadiran Erra bertujuan menarik lebih ramai ahli.

Begitu pun, pada 12 Jun lalu, Pelakon Wanita Terbaik Festival Filem Malaysia ke 15 ini melepaskan jawatan berkenaan. Walaupun tempat beliau tidak diganti, seorang lagi pelakon terkenal yang pernah menerima Anugerah Pengarah Terbaik di Festival Filem Antarabangsa Pyongyang ke 7, Erma Fatima mengumumkan penyertaannya dalam Puteri Umno.

Satu lagi berita yang ditunggu sejak sekian lamanya ialah perlantikan Datuk Siti Norma Yaakob pada 23 Januari lalu yang menjadi wanita pertama dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan, mahkamah tertinggi negara ini oleh Yang di-Pertuan Agong, berkuatkuasa 1 Januari lalu.

Siti Norma, 60, yang sebelum ini wanita pertama menjadi Hakim Mahkamah Rayuan dan Tinggi, mempunyai pengalaman lebih 37 tahun dalam bidang perundangan dan kehakiman di negara ini.

Anak kelahiran Seremban ini mendapat Ijazah Barrister-at-Law, Gray's Inn London pada 1962 dan memulakan kerjaya sebagai Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Jun 1963.

Siti Norma memegang pelbagai jawatan di Jabatan Peguam Negara dan Badan Kehakiman sehinggalah dilantik sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan pada 1980 dan Hakim Mahkamah Tinggi pada 1983.

Satu lagi berita menarik mengenai wanita sepanjang tahun ini ialah apabila Prof Emeritus Datuk Dr Asmah Omar dan Datuk Dr Nik Safiah Ab Karim menerima Anugerah Tokoh Ilmuwan Bahasa 2001 yang pertama kali diwujudkan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 22 Februari lalu.

Anugerah itu diberikan kepada lima ahli bahasa yang dianggap sebagai kumpulan perintis pembinaan dan pengembangan ilmu linguistik dan bahasa Melayu menerima anugerah masing-masing.

Senario luar negara juga mencatatkan pelbagai sejarah membabitkan wanita. Paling membanggakan apabila Gloria Macapagal Arroyo mengangkat sumpah sebagai presiden ke-15 Filipina pada 20 Januari lalu selepas Joseph Estrada akur dengan keputusan Mahkamah Agung yang memerintahnya mengosongkan jawatan itu.

Arroyo, 50, yang memegang jawatan Naib Presiden Filipina ketika itu mengangkat sumpah di hadapan Ketua Hakim Mahkamah Agung, Hilario Davide di kawasan tapak suci EDSA, tempat ribuan penunjuk perasaan berhimpun mendesak Estrada meletak jawatan.

Satu lagi berita yang ditunggu sejak sekian lama ialah pelantikan Megawati Sukarnoputri sebagai Presiden Republik Indonesia pada 23 Julai lalu selepas Majlis Perwakilan Rakyat negara berkenaan memecat Abdurrahman Wahid (Gus Dur) yang ketika memegang jawatan berkenaan.

Dalam bidang sukan pula, tahun ini pastinya mencatat sejarah gemilang buat Malaysia yang pertama kali menjuarai Sukan Sea dengan catatan 111 pingat Emas, sekali gus menamatkan penantian selama 21 tahun. Lebih manis, kemenangan berkenaan dilakukan di tempat sendiri. Pastinya, Temasya Sukan Sea ke 21 meninggalkan 1,001 kenangan bagi rakyat Malaysia.

Dunia seni hiburan tanahair juga mencatatkan pelbagai kenangan suka dan duka sepanjang tahun ini. 2001 menyaksikan perkahwinan beberapa selebriti seperti penyanyi Elite, Azza atau nama sebenarnya Azzarima Zawari yang melangsungkan perkahwinan dengan Ehsan pada 14 Februari lalu. Ehsan adalah bekas suami penyanyi jelita, Camelia.

Pada 17 Mac lalu, pengacara sensasi Melodi dan pelakon terkenal Raja Azura menamatkan zaman bujangnya apabila selamat diijabkabul dengan Adzmin Tan Sri Osman, anak kepada bekas Menteri Besar Kedah.

Seorang lagi penyanyi Elite yang hanya sempat bersama kumpulan itu beberapa bulan, Hana turut melangsungkan perkahwinan dengan Adam yang juga abang kepada anggota Elite, Shasha walaupun sebelum itu bermati-matian menafikan berita pernikahan mereka.

Selain berita perkahwinan, tahun ini juga menyaksikan kes cerai beberapa artis seperti anggota kumpulan Kool, Hairie dan penyanyi bersuara merdu, Safura. Satu lagi berita perceraian yang menggemparkan membabitkan bekas anggota 4U2C, AC Mizal yang kini popular sebagai pelakon. Kes perceraian AC Mizal dilaporkan tidak sampai sebulan selepas gambar beliau berpelukan mesra dengan bekas isterinya, Syafnie di beberapa akhbar dan majalah.

Selain itu, penyanyi Siti Nurhaliza seperti biasa sekali lagi mencatatkan beberapa kemenangan dalam setiap majlis anugerah yang disertai. Terbaru beliau memenangi Anugerah Artis Paling Popular dalam Anugerah Bintang Popular anjuran Berita Harian.

Tahun ini menyaksikan peningkatan seorang penyanyi cilik bersuara merdu Dayang Nurfaizah yang disebut-sebut mampu menyaingi kehebatan Siti.

Begitu pun, dunia seni tanah air tetap berduka apabila Zairie atau nama sebenarnya Azhari Ahmad, 33, menghembuskan nafas terakhir pada 29 September lalu di Genting Highlands ketika melangkah keluar sebaik saja tamat Anugerah Era 2001.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, Hazura Hamdan dan tiga cahaya mata.

Tirai 2001 ditutup dengan berita kemangkatan Yang Dipertuan Agong ke-11 Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada tanggal 21 November lalu di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Ampang selepas dilaporkan berada dalam keadaan kritikal selama lima hari.

Sehubungan itu, pada 12 Disember lalu, Majlis Raja-Raja Melayu memilih Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Syed Putera Jamalullail, 58, sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru, manakala Sultan Mizan Zainal Abidin dari Terengganu sekali lagi dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

(END)